

Headline	Kabel rosak punca gangguan elektrik di Melaka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,101		



## Kabel rosak punca gangguan elektrik di Melaka

**PETALING JAYA:** Masalah gangguan bekalan elektrik secara mengejut yang dihadapi penduduk di sekitar Kem Terendak dan Tangga Batu, Melaka berpunca daripada kerosakan kabel bawah tanah.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan memaklumkan, kerosakan kabel bawah tanah itu berlaku di enam lokasi melibatkan sebahagian kawasan Masjid Tanah, Sungai Udang dan Tangga Batu.

Katanya, oleh itu notis awal gangguan bekalan kepada penduduk tidak dikeluarkan berbanding jika ia disebabkan kerja-kerja yang dirancang khususnya pembaikan dan penyelenggaraan.

"Bagaimanapun sebaik sahaja gangguan dikesan, pemakluman dibuat melalui hantaran di laman rasmi Facebook TNB Careline, pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang dan Jabatan Kerja Raya (JKR) tempatan.

"Bekalan sebahagian besar pelanggan berjaya dipulihkan dalam masa kurang empat jam manakala selebihnya menerima bekalan sementara secara berperingkat melalui 48 set janakuasa, sebelum bekalan pulih sepenuhnya pada 23 Februari 2024.

"Kini, kesemua enam kerosakan kabel siap dibaiki dan sistem elektrik di lokasi terlibat kembali normal," katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, penduduk di sekitar dua kawasan itu tidak berpuas hati ekoran gangguan bekalan elektrik secara mengejut bermula Rabu lalu.

Keadaan itu berlarutan menyebabkan beberapa peniaga terkesan terutama di sekitar Pekan Sungai Udang, selain pejabat terpaksa ditutup sementara.

Mereka meluahkan perasaan kecewa memandangkan tiada sebarang notis gangguan bekalan dikeluarkan mana-mana pihak terutamanya TNB.